

10 DEC 1999

Dompok-Profil

DOMPOK PEMIMPIN KADAZANDUSUN YANG DISEGANI

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Tan Sri Bernard Dompok merupakan antara pemimpin Kadazandusun yang paling disegani di Sabah dan pernah menjadi Ketua Menteri Sabah.

Beliau telah memainkan peranan utama dalam pencapaian masyarakat itu terutama dalam memperjuangkan pengajaran bahasa Kadazandusun di sekolah rendah.

Dalam senarai Kabinet yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, Dompok dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dompok, 50, yang sebelum ini memimpin Parti Demokratik Sabah (PDS), gagal mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Moyog pada pilihan raya negeri Sabah Mac lepas dan pernah membayangkan hasrat untuk bersara daripada politik.

Bagaimanapun, Dompok membatalkan hasrat itu lalu menyusun semula PDS dan mengubah namanya kepada Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (Upko), yang membuka jalan kepada penyatuan menyeluruh masyarakat bumiputera bukan Islam di negeri itu.

Dilahirkan di Kampung Inobong, Penampang, Dompok selepas memperolehi ijazah sarjana muda dari United Kingdom, bertugas sebagai pegawai penilaian di Jabatan Tanah dan Ukur negeri selama dua tahun bermula tahun 1978 sebelum menyertai sektor swasta.

Dompok merupakan ahli Institut Juruukur dan wakil Malaysia bagi Persatuan Pengkadaran Penilaian United Kingdom.

Ahli politik dengan suara lembut tetapi lantang itu mula mendapat perhatian umum apabila dilantik sebagai bendahari agung pertama Parti Bersatu Sabah (PBS) yang berkuasa di negeri itu pada pertengahan 1985.

Dalam pilihan raya Mei 1986 beliau memenangi kerusi dewan undangan negeri Moyog dan dilantik ke jawatan Menteri Kewangan negeri.

Pada Sept 1989, Dompok terlbab dalam persaingan sengit bagi jawatan timbalan presiden dengan setiausaha agung PBS Datuk Joseph Kurup, yang akhirnya menyaksikan Dompok memenangi jawatan itu.

Selepas dipilih semula sebagai anggota Dewan Undangan Negeri Moyog pada pilihan raya negeri Julai 1990, Dompok dilantik sebagai timbalan ketua Menteri di samping memegang portfolio Menteri Pertanian dan Perikanan.

Beliau juga dipilih semula sebagai anggota Parlimen bagi Penampang pada tahun yang sama.

Dompok meninggalkan PBS dan membentuk Parti Demokratik Sabah (PDS) pada 21 Mac 1994 yang menyertai Barisan Nasional (BN) Negeri ekoran perpecahan kerajaan PBS.

Dompok, yang memenangi kerusi Parlimen Kinabalu pada pilihan raya lepas, berkahwin dengan Puan Sri Dianah Alip Dompok dan mempunyai lima anak iaitu tiga lelaki dan dua perempuan.

-- BERNAMA

NHD PR